

Tiada 'markah kasihan'

Oleh NADZARUL AMIR
ZAINAL AZAM
amir.azam@kosmo.com.my

NILAI - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) tidak menawarkan jalan pintas dan layanan istimewa kepada mana-mana pelajarinya untuk lulus peperiksaan dengan amalan 'markah kasihan', malah kesemua mereka perlu berjaya dengan usaha sendiri.

Bagi Naib Canselor USIM, Profesor Datuk Dr. Abdul Shukor Husin, dasar universiti itu sudah jelas melalui pelaksanaan prosedur Penggredan, Pemarkahan dan Pengeluaran Keputusan Peperiksaan.

Katanya, setiap keputusan peperiksaan akan dibentang dan diteliti dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa Pra-Siswazah (JPPS) peringkat fakulti dan seterusnya dirujuk kepada Se-



NAIB Canselor USIM, Dr. Abdul Shukor Husin menyifatkan laporan *Kosmo!* bertarikh 15 April telah menjejaskan reputasi institusi pendidikan berkenaan.

nat Universiti untuk perakuan. "Kita juga ada panel luar yang memantau sistem akademik dan peperiksaan di USIM.

"Pensijilan MS ISO 9001:2000 yang telah diperolehi sejak 11 November 2004 dan perolehan sijil

buat kali kedua pada 8 Januari 2008 oleh pihak Institut Piawain dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) membuktikan USIM ada prosedur jelas dan telus terhadap sistem pendidikannya," jelas beliau.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar khas yang diadakan di Bangunan Canselori, USIM di sini semalam bagi mengulas laporan *Kosmo!* pada 15 April lalu mengenai dakwaan seorang pensyarah universiti itu 'dipaksa' meletakkan jawatan kerana hanya meluluskan empat daripada 157 pelajar jurusan undang-undang.

Pensyarah itu yang hanya dikenali sebagai Nor mendedahkan, punca peletakan jawatannya adalah kerana tidak tahan lagi menerima tekanan supaya mengikut kehendak universiti memberikan 'markah kasihan'.

Abdul Shukor menyifatkan dakwaan itu tidak berasas dan telah menjejaskan reputasi universiti.

Ditanya sama ada pihak universiti ada menghantar surat kepada Nor memintanya memberi markah kasihan kepada pelajar, Abdul Shukor ketika dihubungi kemudian enggan mengulas.